

D553

U B580 AAB  
LEAD MAHATHIR - PBS R R R

KUANTAN, 17 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MENYIFATKAN TINDAKAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL (BN) SEBAGAI +MELEGAKAN+, BERKATA PRESIDEN PARTI ITU, DATUK SERI JOSEPH PAIRIN KITINGAN KADANG-KADANG SEPERTI TIDAK FIKIR YANG DIA BERADA DALAM MALAYSIA.

+SELAMA PBS ADA DALAM BN, KITA DAPATI DIA TIADA SEMANGAT BN. BAHKAN KADANG-KADANG SEOLAH-OLAH DIA TIDAK FIKIR DIA ADA DALAM MALAYSIA...DIA CUMA CAKAP SABAH, SABAH, SABAH SAJA,+ KATA PERDANA MENTERI.

SELAIN DARIPADA ITU, KATA BELIAU, SENIKATA PADA LAGU IKLAN NEGERI ITU DALAM TELIVISYENPUN MEMPUYAI UNGKAPAN +...SABAH WILL SHOW THE WAY+ ATAU +...MEREKALAH YANG TUNJUK JALAN KEPADA KITA+.

+JADI KADANG-KADANG KITA BERASA SUSAH HENDAK BERSAMA DENGAN MEREKA KERANA NAMPAK MEREKA TIDAK LANGSUNG ANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI ORANG MALAYSIA TETAPI SEMATA-MATA SABAH...MINTA MACAM-MACAM HINGGA SUSAH BAGI KITA HENDAK LAYAN MEREKA.

+JADI SEKARANG INI SETELAH MEREKA KELUAR DARIPADA BN KITAPUN BERASA LEGA SIKITLAH. TIADA ORANG YANG SELALU SANGAT MENIMBULKAN MASALAH KEPADA KITA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN CALON-CALON BN PAHANG DI BANGUNAN UMNO NEGERI, DI SINI PAGI INI. -- LAGI  
1248MST 17 10 90

D600

U B608 AAB  
LEAD MAHATHIR - PBS 2 KUANTAN

SEBELUM ITU, BELIAU MENEMUI KIRA-KIRA 500 KAKITANGAN KERAJAAN DI PAHANG DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN (MPK) DAN DALAM UCAPANNYA TELAH MENYEBUT KEHADIRAN PBS DALAM BN ITU SEBAGAI +DURI DALAM DAGING+.

+BILA ADA DURI DALAM DAGING, DIA BENGKAK, BERNANAH, AKHIRNYA MELETUP DAN BN HILANG DEMAM,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BN SEKARANG SUDAH PUN MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENYOKONG CALON-CALON BEBAS ATAUPUN PARTI AKAR, DALAM PERLAWANAN CALON-CALON BERKENAAN MENENTANG CALON PBS PADA PILIHAN RAYA UMUM INI.

+SETAKAT YANG SAYA TAHU, TIADA CALON BEBAS YANG MENEMUI KITA TETAPI KITA HENDAK CARI YANG MANAPUN TAK APALAH. TUJUAN KITA UNTUK MENYEBABKAN CALON PBS KALAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DIMINTA MENGULAS DAKWAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA LANGKAH MENUBUHKAN UMNO DI SABAH MERUPAKAN TINDAKAN TERGESA-GESA BERTA SATU HELAH POLITIK. -- LAGI  
1425MST 17 10 90

D601

U B609 AAB  
LEAD MAHATHIR - PBS 3 KUANTAN

SEBENARNYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, PERMINTAAN SUPAYA UMNO DITUBUHKAN DI NEGERI ITU SUDAH LAMA DIBUAT TETAPI DITOLAK (KETIKA ITU).

+KITA AKUI DALAM KEADAAN INI KITA TERPAKSA BUAT KEPUTUSAN YANG CEPAT KERANA KITA MEMPUNYAI CUMA BEBERAPA HARI SAHAJA. JIKA HENDAK BUAT KAJIAN MENDALAM AKAN MENGAMBIL MASA DAN KESANNYA DARIPADA SEGI POLITIK AKAN HILANG,+ KATANYA.

MENGENAI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN YANG MENURUT DATUK PAIRIN AKAN DISERAHKAN SEMULA KEPADA SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMIMPIN PBS ITU BOLEH MENGUMUMKAN RANCANGANNYA ITU KEPADA RAKYAT SABAH BAGI MENDAPATKAN UNDI.

DITANYA PULA TENTANG PENILAIAN PRESTASI BN SEKARANG BAGI MENGHADAPI PNEGUNDIAN AHAD INI, BELIAU BERKATA BN BOLEH MENANG DAN IA HANYA PERLUKAN 120 KERUSI BAGI MENDAPATKAN MAJORITI DUA PERTIGA DALAM DEWAN RAKYAT. -- BERNAMA  
1427MST 17 10 90